




## CIRI-CIRI KESELAMATAN MATAWANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM JENIS POLIMER

Setiap bulan, jumlah purata matawang Negara Brunei Darussalam yang diedarkan kepada orang ramai di negara ini adalah kira-kira BND 1 bilion. Walaubagaimanapun, apakah yang awda ketahui mengenai matawang yang awda gunakan ini? Adakah awda dapat mengesahkan sama ada wang tunai awda adalah tulen? Mengetahui ciri-ciri keselamatan matawang negara awda adalah sangat penting memandangkan ianya adalah hasil titik peluh daripada pekerjaan awda dan juga untuk menjaga diri awda daripada matawang palsu. Cara-cara mengesan matawang palsu adalah agak mudah dan tidak mengambil banyak masa jika awda tahu apa yang perlu dicari.

Semua matawang Negara Brunei Darussalam jenis polimer mempunyai ciri-ciri rupa yang lebih kurang sama. Ciri-ciri sekuriti yang ada pada denominasi BND 100, seperti yang di bawah, juga boleh dijumpai pada denominasi yang lain tetapi mempunyai motif-motif yang berbeza.



- 1** *The local motif in white and gold forms the complex window.*

Motif tempatan bercorak putih dan warna emas membentuk jendela lutsinar yang kompleks.



- 2** *Initial HB 100 can be seen when looking through the small transparent window to a point of light source.*

Inisial HB 100 dapat dilihat apabila ditayangkan kepada cahaya melalui jendela lutsinar kecil.



- 3** *The crest of Brunei Darussalam is printed in vibrant red link on a gold star patch.*

Panji-panji Negara Brunei Darussalam dicetak dengan warna merah yang terang di atas bentuk bintang berwarna emas.



- 4** *The serial numbers are printed both vertically and horizontally in fonts of varying sizes.*

Nombor-nombor siri dicetak secara menegak dan juga melintang dengan saiz fon yang berbeza.



- 5** *A flower is formed through the combination of printing on both sides of the note when held up to the light.*

Sekuntum bunga terbentuk dengan gabungan percetakan di kedua-dua muka wang kertas apabila ditayangkan kepada cahaya.



- 6** *The shadow image of His Majesty's portrait and initial "HB" will appear when the banknote is held up to the light.*

Bayangan gambar potret Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan inisial "HB" akan timbul apabila wang kertas ditayangkan kepada cahaya.

## **PANDUAN PENGESANAN MATAWANG PALSU JENIS POLIMER**

Dalam mengesan ketulinan matawang, orang ramai digalakkan untuk menyemak pelbagai ciri keselamatan matawang tersebut dan tidak bergantung pada satu atau dua ciri sahaja. Matawang yang disyaki palsu boleh dibandingkan dengan matawang yang tulin untuk mencari perbezaan.

### **1 - RASA MATAWANG AWDA. ADAKAH IA POLIMER?**

Kebanyakan matawang Negara Brunei Darussalam kini dicetak atas substrat polimer dan mempunyai satu rasa berbeza. Matawang yang disyaki palsu mungkin terasa terlalu tebal atau nipis berbanding dengan matawang yang tulen. Cetakan yang tebal atau intaglio di matawang yang tulen memberi rasa kasar sama ada matawang jenis kertas maupun jenis polimer.

### **2 - MEMERIKSA JENDELA LUTSINAR (*CLEAR WINDOW*)**

Jendela lutsinar yang kompleks adalah salah satu bahagian dalaman yang penting di dalam matawang tersebut. Ianya bukannya satu tambahan ke atas matawang itu. Imej berwarna putih dan emas yang dicetak pada jendela lutsinar tidak boleh dihilangkan dengan mudah.

### **3 - KUALITI PERCETAKAN**

Percetakan latar belakang yang sangat tajam. Semak rekabentuk yang ganjil seperti corak yang tidak jelas, baris-baris yang lebih tebal atau lebih nipis, atau perbezaan warna matawang.

### **4 – LIHAT MATAWANG DI BAWAH *ULTRAVIOLET (UV) LIGHT***

Terdapat beberapa ciri-ciri *fluorescent* didalam matawang termasuk panji-panji kerajaan dan satu bahagian menunjukkan denominasi matawang jika dilihat di bawah cahaya UV.

## **MENGENDALIKAN SUSPEK MATAWANG PALSU**

Memiliki matawang yang diketahui palsu adalah satu kesalahan disisi undang-undang. Matawang yang disyaki palsu seharusnya diberikan kepada pihak Polis Diraja Brunei atau pihak Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD). Jika matawang tersebut adalah terbukti tulin, maka awda akan menerima nilai penuh bagi matawang tersebut.

Jika anda menjumpai sekeping matawang yang disyaki palsu:

- Elakkan daripada banyak memegang matawang yang disyaki palsu tersebut dan simpan ke dalam sampul surat.
- Mencatat apa-apa maklumat yang penting, seperti bagaimana awda telah memperolehi matawang tersebut.
- Melaporkan perkara itu kepada pihak Polis Diraja Brunei atau pihak AMBD dengan segera.

Awda berhak untuk menolak matawang jika awda mensyaki ianya adalah palsu. Orang ramai dinasihatkan untuk jangan mengambil tindakan secara persendirian, terutamanya jika ia boleh mengancam keselamatan awda atau orang lain.

Menurut seksyen 13 (2) (3) daripada Perintah Matawang 2010 (Currency Order 2010), mana-mana orang yang mengeluarkan matawang dan duit syiling, atau apa-apa dokumen atau tanda, yang serupa atau mungkin dianggap sah diperlakukan, jika sabit kesalahan akan didenda, dipenjarakan tidak melebihi 15 tahun atau kedua-dua sekali.

AMBD mempunyai Galeri Matawang di tingkat bawah bangunan BCMB, Commonwealth Drive yang dibuka kepada orang ramai semasa waktu pejabat. Orang ramai dialu-alukan untuk melawat ke Galeri Matawang AMBD dan mengetahui lebih lanjut tentang sejarah dan perkembangan matawang Negara Brunei Darussalam.

Untuk pertanyaan lanjut orang ramai bolehlah menghubungi AMBD melalui e-mel [info@ambd.gov.bn](mailto:info@ambd.gov.bn) atau menghantar pertanyaan melalui AMBD App yang boleh dimuat turun secara percuma melalui ‘App Store’ bagi pengguna iPhone dan ‘Google Playstore’ bagi pengguna Android.

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh: 20 Rejab 1437H/ 28 April 2016M